

**TEKS UCAPAN ALUAN
YANG BERBAHAGIA
PROFESOR DATUK DR. HAJAH ROZIAH MOHD JANOR
NAIB CANSELOR UiTM**

**SEMPENA
MAJLIS PELANCARAN
KEMBARA PERPADUAN @ KAMPUS**

**17 APRIL 2023 | ISNIN | 6.00 PETANG
DEWAN KULIAH 500 (DK500)
UiTM CAWANGAN SELANGOR
KAMPUS PUNCAK ALAM**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

**ALHAMDULILLAH ROBBIL 'AALAMIIN
WASOLAATU WASSALAAMU 'ALAA ASYRAFIL ANBIYAAI WAL
MURSALIIN
WA 'ALAAALIHI WASOHBIBI AJMA'IN.**

Yang Berhormat Datuk Aaron Ago anak Dagang

Menteri Perpaduan Negara

**Yang Berbahagia Dato' Indera Noridah binti Abdul
Rahim**

Ketua Setiausaha, Kementerian Perpaduan Negara

Yang Berbahagia Profesor Ts. Dr. Asmah Awal

Timbalan Rektor (Penyelidikan & Inovasi)

Menjalankan Tugas Rektor UiTM Cawangan Selangor

Yang Berusaha Encik Zulkifli bin Hashim

Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)

Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional

Yang Berusaha Profesor Madya Dr. Badrul Isa

Timbalan Rektor (Hal Ehwal Pelajar)

UiTM Cawangan Selangor

Para pegawai dari Kementerian Perpaduan Negara serta
Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional.

Para Pensyarah, Sekretariat Rukun Negara, para pelajar
dan hadirin yang dihormati.

[SALUTASI- kemaskini berdasarkan kehadiran]

**Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Selamat
sejahtera dan salam Malaysia Madani.**

1. Alhamdulillah, segala puji dan syukur ke hadrat Illahi kerana dengan limpah dan inayah-Nya, maka dapat kita bersama-sama menjayakan Majlis Pelancaran Kembara Perpaduan @ Kampus pada petang ini.

2. Pada kesempatan ini saya ingin mengalu-alukan kehadiran **Yang Berhormat Datuk Aaron Ago anak Dagang, Menteri Perpaduan Negara** ke Universiti yang berintensifkan penyelidikan, inovasi, pengkomersilan dan Penglibatan Masyarakat.

3. Ucapan ribuan terima kasih diucapkan kepada pihak **Kementerian Perpaduan Negara** kerana telah memilih UiTM Cawangan Selangor sebagai institusi pengajian tinggi pertama di Malaysia bagi melaksanakan Program Kembara Perpaduan @ Kampus. Pemilihan ini merupakan suatu pengiktirafan yang sangat kami hargai dan banggakan.

4. Saya yakin, kolaborasi dan kerjasama yang terbina melalui program ini, akan menjadi titik permulaan bagi

penganjuran kepada **program-program perpaduan dan integrasi nasional berimpak tinggi** antara kedua-dua pihak pada masa akan datang.

5. Dengan jumlah mahasiswa seramai 30,000 orang dan jumlah staf menjangkau 4,000 orang, pemilihan UCS ini dianggap tepat sebagai suatu wadah atau platform oleh pihak kerajaan dari aspek penerapan aspek perpaduan dan integrasi nasional dikalangan warga kampus.

Hadirin yang dihormati sekalian,

6. Seperti yang kita sedia maklum, aspek perpaduan di negara ini telah menjadi perhatian pihak kerajaan sejak awal kemerdekaan lagi. Selepas hampir lima dekad, seharusnya rakyat dan masyarakat di negara ini dapat sentiasa mengekalkan keharmonian dan hidup bersatu padu serta menitikberatkan integrasi rakyat pelbagai kaum dan etnik.

7. Dasar Perpaduan Negara yang berteraskan konsep Perpaduan Dalam Kepelbagaian, menjadi strategi jangka panjang kerajaan menggariskan usaha berterusan memupuk, mengukuh dan memelihara perpaduan rakyat. Ia seiring agenda Malaysia MADANI yang telah diperkenalkan oleh YAB Perdana Menteri ke arah melahir masyarakat Malaysia yang maju, bersatu-padu dan saling menyokong antara satu sama lain.

8. Sehubungan itu, penganjuran platform '**Chit-Chat Belia – Madani : Bersediakah Kita**' yang diadakan juga merupakan satu medium yang sangat baik dalam memberikan kefahaman mendalam serta peluang berkomunikasi dua hala kepada golongan belia tentang erti sebenar konsep MADANI tersebut.

9. Melalui peluang, sokongan dan bimbingan yang diberikan kepada mereka, saya pasti golongan muda mampu dilatih dan dibentuk sebagai pemimpin masa

depan yang matang, berwawasan dan menjadi wakil semua golongan masyarakat dan rakyat di negara ini.

Hadirin sekalian,

10. Saya amat berharap agar warga kampus sentiasa berusaha bersama-sama mengekalkan '**identiti nasional**' dengan semangat jati diri, semangat patriotik, semangat toleransi, saling hormat-menghormati dan bertanggungjawab ke arah melahirkan masyarakat dan generasi yang tahu menghargai dan mengamalkan perpaduan.

11. Jika aspirasi ini dapat direalisasikan, tiga objektif utama yang ditetapkan oleh Dasar Perpaduan Negara, iaitu pengukuhkan perpaduan dan integrasi nasional berteraskan Perlembagaan Persekutuan serta Rukun Negara akan tercapai.

12. Akhir kata, terima kasih dan penghargaan diucapkan kepada Yang Berhormat Menteri sekali lagi, atas kesudian hadir bersama-sama memeriahkan majlis pada hari ini. Semoga dengan kehadiran YB Datuk akan

menyemarakkan lagi semangat perpaduan dan integrasi nasional dalam kalangan kita semua.

13. Terima kasih juga saya ucapkan kepada pihak Kementerian Perpaduan Negara dan UiTM Cawangan Selangor selaku pihak penganjur serta semua barisan ahli Jawatankuasa Penganjur yang memastikan kelancaran majlis ini.

14. Semoga Allah SWT membalas usaha yang telah kita berikan dan menerima ganjaran dengan nikmat terbaik di dunia dan akhirat.

Sekian. Terima kasih.

Wabillahi Taufiq Wal Hidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.